TAN CHEONG SENG

lwn.

LEE LAI SENG & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, ALOR SETAR
TUAN MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH PK
[RAYUAN SIVIL NO 12-39-1992]
18 DISEMBER 1993

TORT: Kemalangan jalanraya - Kecederaan - Prinsip utama undang-undang gantirugi - Tanggungan pelaku tort-Kecederaan tidak dapat dibahagikan-Samada plaintif berhak mendapat gantirugi sepenuhnya dari hanya seorang pelaku tort-Pengagihan liabiliti-Sumbangan gantirugi antara pelaku-pelaku tort - Akta Undang-Undang Sivil 1956 s. 10.

Ini adalah rayuan oleh plaintif, pembonceng motosikal yang dipandu oleh ko-defendan dalam kes ini, terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen Alor Star yang, setelah memutuskan bahawa defendan dan ko-defendan adalah masing-masing 10% dan 90% bertanggungan atas kemalangan yang berlaku di antara motosikal-motosikal yang dipandu oleh keduanya, telah membuat keputusan lanjut yang berbunyi "Namun demikian memandangkan plaintif tidak membuat dakwaan kecuaian terhadap ko-defendan dan tidak memasukkan sebarang butir kecuaian terhadapnya dalam penyata tuntutan, defendan didapati 100% cuai. Tuntutan terhadap Ko-defendan dibuang dengan kos". Menurut Hakim Mahkamah Sesyen, keputusannya ini adalah selaras dengan keputusan Mohamed Dzaiddin H. dalam kes *Jayakumar s/o Kuppusamy & Anor lwn. Chan Kit Hong & Anor* [1984] 1 MLJ 376.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa kemalangan telah berlaku semasa ko-defendan sedang memotong sebuah bas dihadapannya dan telah berlanggar dengan motosikal yang ditunggang oleh defendan dari arah bertentangan. Persoalan penting yang timbul adalah samada Hakim Mahkamah Sesyen silap dari segi undang-undang apabila memutuskan defendan 100% cuai setelah mengagihkan liabiliti antara mereka seperti di atas.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan fakta kes Hakim Mahkamah Sesyen membuat keputusan yang tepat apabila memutuskan bahawa defendan dan ko-defendan adalah masing-masing 10% dan 90% bertanggungan atas kemalangan ini. Tanggungan 10% oleh defendan ini boleh dipertahankan atas asas dimana defendan sememangnya mempunyai ruang jalan yang begitu luas untuk menunggang motosikalnya seorangan dilorong selebar 9 kaki dan juga mempunyai ruang yang cukup untuk mengelakkan pertembungan walaupun dalam keadaan motosikal ko-defendan memakan sedikit jalannya.

[2] Hakim Mahkamah Sesyen bagaimanapun silap dari segi undang-undang apabila memutuskan selanjutnya bahawa defendan adalah cuai 100% memandangkan tiada tuntutan dibuat oleh plaintif terhadap ko-defendan. Beliau telah tersilap kerana keputusannya itu membawa maksud bahawa defendan adalah 100% bertanggungan dan ko-defendan tidak langsung bertanggungan di atas kemalangan yang berlaku. Kesan dan akibat dari keputusan sedemikian ialah menafikan hak defendan mendapatkan sumbangan atau indemnity dari ko-defendan setelah defendan membayar semua gantirugi plaintif, seperti yang diperuntukkan di bawah s. 10 Akta Undang-Undang Sivil 1956.

[3] Kes *Jayakumar s/o Kuppusamy,* yang diambil oleh Hakim Mahkamah Sesyen sebagai sandaran kepada keputusannya itu, hanya memutuskan bahawa di dalam kes kecederaan yang dilakukan kepada plaintif dimana kecederaan tersebut tidak dapat dibahagikan maka, "any tortfeasor whose act has been a proximate cause of the injury must compensate for the whole of it". Yang Arif Hakim dalam kes itu tidak menyebut bahawa tanggungan pelaku tort itu adalah bagi keseluruhannya. Apa yang dinyatakan ialah, dalam keadaan sedemikian plaintif berhak mendapat ganti rugi sepenuhnya dari defendan tanpa mengambil tindakan terhadap plaintif pertama. Jelas apa yang ditimbulkan adalah prinsip undang-undang mengganti rugi dan bukannya soal pengagihan liabiliti.

[4] Berdasarkan kes *Jayakumar s/o Kuppusamy* dan beberapa kes lain bolehlah disimpulkan bahawa di dalam kes-kes di mana kecederaan yang diakibatkan atau dilakukan kepada plaintif seperti kecederaan yang dialami oleh plaintif iaitu pembonceng motosikal dalam kes yang ada pada Mahkamah hari ini, maka mana-mana pelaku tort yang perlakuannya merupakan penyebab kepada kecederaan yang dialami oleh plaintif, mestilah mengganti rugi

sepenuhnya kepada plaintif. Walaupun pelaku tort itu hanya bertanggungan 10% sahaja, plaintif adalah berhak diganti rugi dengan sepenuhnya.

[Rayuan dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:

London Passenger Transport Board lwn. Upson [1949] 1 All ER 60 ***(dirujuk)***

Jayakumar s/o Kuppusamy & Anor lwn. Chan Kit Hong & Anor [1984] 1 MLJ 376 ***(dirujuk)***

Ahmad Nordin bin Haji Maskan & Anor lwn. Eng Ngak Hua & Ors. [1985] 2 MLJ 43 ***(dirujuk)***

Dingle lwn. Associated Newspapers Ltd. [1969] 2 QB 162 ***(dirujuk)***

Oli Mohammed lwn. Keith Murphy & Anor [1961] 12 MLJ 244 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Undang-Undang Sivil 1956, s. 10(1)(a)

Bagi pihak perayu - Jagjit Singh; T/n Jagjit Singh & Co.

*Bagi pihak responden - Jegadeeson Thavasu; T/n Jega & Associat*es

ALASAN PENGHAKIMAN

Mohd. Noor Bin Haji Abdullah PK:

Ini adalah rayuan oleh pihak defendan (Perayu) terhadap keputusan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Alor Setar yang memutuskan bahawa defendan dan co-defendan adalah masing-masing 10% : 90% bertanggungan atas kemalangan yang berlaku pada 20 Oktober 1985 antara motosikal-motosikal yang dipandu oleh keduanya.

Kemalangan ini berlaku di jalanraya Alor Setar - Gurun.

Plaintif adalah pembonceng motosikal yang ditunggang oleh Lai Boon Eik (SP5). Lai Boon Eik telah dibawa masuk oleh defendan sebagai co-defendan. Plaintif di dalam keterangannya menyatakan bahawa motosikal yang beliau naiki (bonceng) adalah dalam perjalanan menghala ke Alor Setar dari Gurun dan apabila sampai di batu 5 $^{1}/_{2}$ Jalan Alor Setar - Sg. Petani, co-defendan telah memberi isyarat lampu ke kanan untuk memotong sebuah bas di hadapannya yang telah memasang lampu isyarat ke sebelah kiri serta memperlahankan kelajuannya. Dari keterangan plaintif dan co-defendan sendiri di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen adalah tidak dipertikaikan bahawa kemalangan telah berlaku semasa co-defendan sedang memotong sebuah bas di hadapannya dan telah berlanggar dengan motosikal yang ditunggang oleh defendan dari arah bertentangan.

Plaintif dan co-defendan telah menyatakan bahawa semasa motosikal co-defendan memotong tiada kenderaan lain dari arah hadapan kecuali sebuah motosikal yang berada 200 kaki dari motosikal mereka. Mereka juga menyatakan bahawa motosikal co-defendan semasa memotong bas berada di atas garisan tengah dan tidak pernah memasuki jalan defendan.

Manakala defendan di dalam keterangannya pula menyatakan bahawa beliau nampak motosikal dari arah bertentangan dan mendakwa motosikal tersebut telah memotong bas di hadapannya dalam jarak 15 kaki dan telah memakan jalan beliau. Beliau tak sempat mengelak dan terus digesel oleh motosikal co-defendan.

Dari keterangan saksi-saksi, saya bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang mana beliau menyatakan bahawa keterangan plaintif dan co-defendan yang menyatakan semasa motosikal co-defendan memotong bas di hadapan, motosikal itu berada di atas garisan tengah dan tidak pernah memasuki jalan defendan adalah sukar diterima.

Menurut beliau dengan kelebaran jalan BC yang hanya 9 kaki dan co-defendan semasa itu sedang memotong sebuah bas yang lebarnya tidak kurang dari 6 kaki, maka ruang yang tinggal hanya 1 $^{1}/_{2}$ kaki di kiri kanan bas. Maka adalah tidak munasabah sekiranya dikatakan co-defendan tidak melepasi garisan tengah jalan untuk memotong bas tersebut. Dalam keadaan ini co-defendan semestinya telah memasuki jalan defendan.

Setelah menimbangkan keterangan defendan pula, Hakim Mahkamah Sesyen telah seterusnya memutuskan bahawa berdasarkan P2 (Laporan Polis yang dibuat oleh defendan) defendan memang telah nampak sebuah motosikal No: KR 7924 sedang memotong sebuah bas di hadapan dan di dalam keadaan ini, seandainya defendan menunggang motosikalnya lebih ke kiri dari ke kanan di lorongnya defendan dalam keadaan yang demikian dengan keluasan 9 kaki (CD - 9 kaki) boleh dan sempat mengelakkan kemalangan dari berlaku. Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul di dalam mencapai keputusan ini dengan bersandarkan kepada prinsip yang dipakai di

dalam kes *London Passenger Transport Board v. Upson* [1949] 1 All ER 60 di mana Lord Uthwatt telah memutuskan:

> A driver is not, of course, bound to anticipate folly in all its forms, but he is not, in my opinion, entitled to put out of consideration the teachings of experience as to the form these follies commonly take.

Hakim Mahkamah Sesyen adalah tepat di dalam memutuskan bahawa defendan adalah 10% bertanggungan dan co-defendan 90% bertanggungan atas kemalangan ini, dan tanggungan 10% defendan ini dipertahankan atas asas di mana defendan sememangnya mempunyai ruang jalan yang begitu luas untuk menunggang motosikalnya seorangan di lorongnya selebar 9 kaki. Beliau tidak seharusnya menunggang motosikalnya lebih ke sebelah kanan di lorongnya. Sekiranya defendan telah menunggang dengan berjaga-jaga dan cermat defendan hendaklah menunggang motosikalnya di kiri jalan lorongnya dan apabila co-defendan memakan jalannya sedikit sepatutnya pertembungan antara kedua-dua kenderaan itu, tidak berlaku atau dapat dielakkan.

Saya bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen di dalam pengagihan liabiliti antara defendan dan co-defendan dan saya tidak nampak sebarang alasan untuk mengganggu keputusan fakta Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana ini. Oleh yang demikian keputusan ini adalah dikekalkan.

Walaubagaimanapun Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat satu keputusan lain di mana selepas pengagihan liabiliti antara kedua pihak defendan dan co-defendan beliau telah menambah: "Namun demikian memandangkan plaintif tidak membuat dakwaan kecuaian terhadap co-defendan dan tidak memasukkan sebarang butir kecuaian terhadapnya dalam penyata tuntutan, defendan didapati 100% cuai. Tuntutan terhadap co-defendan dibuang dengan kos."

Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan itu bersandarkan kepada kes *Jayakumar s/o Kuppusamy & Anor v. Chan Kit Hong & Anor* [1984] 1 MLJ 376 di mana telah diputuskan oleh Mohamed Dzaiddin H. (pada masa itu) bahawa:

> It is a rule of common law that where injury has been done to the plaintiff and the injury is indivisible, any tortfeasor whose act has been a proximate cause of the injury must compensate for the whole of it. The second plaintiff is therefore entitled to seek full damages from defendants alone without recourse to the first plaintiff at all.

Mahkamah ini berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen adalah silap dari segi undang-undang apabila memutuskan defendan cuai 100%.

Di dalam penghakimannya Hakim Mahkamah Sesyen telahpun memutuskan bahawa tanggungan defendan hanya 10% dan dalam pada itu, beliau pada masa yang sama menyatakan, memandangkan tiada tuntutan terhadap co-defendan maka defendan adalah cuai 100%. Ini bermakna Hakim Mahkamah Sesyen telah meletakkan tanggungan sepenuhnya kepada defendan di atas kemalangan tersebut. Dalam ertikata lain Hakim Mahkamah Sesyen kini mencapai keputusan bahawa defendan dipersalahkan 100% .

Di dalam hal ini Mahkamah ini ingin menarik perhatian keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Jayakumar*. Di sini Mohamed Dzaiddin H. (pada masa itu) telah memutuskan bahawa di dalam kes kecederaan yang dilakukan kepada plaintif dan kecederaan tersebut tidak dapat dibahagikan maka Mohamed Dzaiddin H. menyatakan 'any tortfeasor whose act has been a proximate cause of the injury must compensate for the whole of it.' Yang Arif Hakim di sini tidak menyatakan bahawa tanggungan pelaku tort itu adalah bagi keseluruhannya, apa yang dinyatakan oleh beliau ialah dalam keadaan sedemikian plaintif berhak mendapatkan gantirugi sepenuhnya dari defendan tanpa mengambil tindakan terhadap plaintif pertama.

Saya berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen telah terkeliru tentang pemakaian prinsip yang diutarakan oleh kes *Jayakumar* ini.

Mahkamah ini berpendapat, kedudukan isu ini dapat dijelaskan lagi dengan merujuk kepada kes *Ahmad Nordin bin Haji Maskan & Anor v. Eng Ngak Hua & Ors.* [1985] 2 MLJ 43 di mana Mahkamah Agung telah memutuskan di mana pada muka surat 436, Hakim Mahkamah Agung Syed Agil Barakbah telah menyatakan:

> In passing, we would like to confirm the view of the Learned Judge that the dependants of the deceased, viz, third to the eighth plaintiffs are entitled to the whole amount of damages although liability has been apportioned between the first appellant and the first

> respondent. This conclusion is in accordance with the fundamental principle in law of damages where injuries committed on the plaintiff by more than one tortfeasor is one and indivisible.

Kes *Ahmad Nordin* telah dengan jelas menyatakan bahawa apa yang ditimbulkan ialah prinsip undang-undang mengganti rugi dan bukannya di dalam pengagihan liability.

Kes *Ahmad Nordin* ini juga telah merujuk kepada kes *Dingle v. Associated Newspapers Ltd* [1969] 2 QB 162 di mana Devlin LJ telah mengutarakan prinsip mengganti rugi di mana Devlin LJ di muka surat 188 menyatakan:

> ... where injury has been done to the plaintiff and the injury is indivisible, any tortfeasor whose act has been a proximate cause of the injury must compensate for the whole of it. As between the plaintiff and the defendant it is immaterial that there are others whose acts also have been a cause of the injury and it does not matter whether those others have or have not a good defence. These factors would be relevant in a claim between tortfeasors for contribution, but the plaintiff is not concerned with that; he can obtain judgment for total compensation from anyone whose act has been a cause of his injury. If there are more than one of such persons, it is immaterial to the plaintiff whether they are joint tortfeasors or not. If four men, acting severally and not in concert, strike the plaintiff one after another and as a result of his injuries he suffers shock and is detained in hospital and loses a month's wages, each wrongdoer is liable to compensate for the whole loss of earnings ...

Prinsip di dalam kes *Dingle* ini telah diterimapakai oleh Mahkamah Singapura di dalam kes *Oli Mohammed v. Keith Murphy & Anor* [1961] 12 MLJ 244 di mana Choor J di muka surat 245 menyatakan:

> Counsel for the second defendant submitted that if the Court holds that both defendants were equally negligent, then the judgment against the second defendant should be only for 50 percent of the total sum assessed as damages in this case. In my opinion this submission also fails. It is clear law that if each of several persons, not acting in concert, commits a tort against another person substantially contemporaneously and causing the same or indivisible damage, each tortfeasor is liable for the whole damage ....

Mahkamah ini berpendapat bahawa dari keskes yang diterangkan tadi, maka di dalam keskes di mana kecederaan yang diakibatkan atau dilakukan kepada plaintif seperti kecederaan yang dialami oleh plaintif iaitu pembonceng motosikal dalam kes yang ada pada Mahkamah hari ini, maka mana-mana pelaku tort yang perlakuannya merupakan penyebab kepada kecederaan yang dialami oleh plaintif, mestilah mengganti rugi sepenuhnya kepada plaintif oleh pelaku tort. Walaupun pelaku tort itu hanya bertanggungan 10% sahaja, plaintif adalah berhak untuk diganti rugi dengan sepenuhnya.

Hakim Mahkamah Sesyen di sini telah tersilap di dalam pemakaian prinsip ini apabila beliau setelah memutuskan bahawa liabiliti atau tanggungan defendan adalah 10% seterusnya memutuskan bahawa memandangkan tiada tuntutan atas co-defendan, maka defendan adalah 100% cuai. Keputusan ini telah membawa maksud defendan adalah 100% bertanggungan dan co-defendan tidak langsung bertanggungan di atas kemalangan yang berlaku dan kesan akibat dari keputusan sedemikian ialah menafikan hak defendan mendapatkan sumbangan atau indemnity dari co-defendan setelah defendan membayar semua tuntutan gantirugi plaintif yang diperuntukkan di bawah s.10 Civil Law Act 1956.

Seksyen 10(1)(a) Civil Law Act 1956 memperuntukkan bahawa:

> (a) judgment recovered against any tort-feasor liable in respect of that damage shall not be a bar to an action against any other person who would, if sued, have been liable as a joint tort-feasor in respect of the same damage;

manakala s. 10(1)(c) pula memperuntukkan bahawa:

> (c) any tort-feasor liable in respect of that damage may recover contribution from any other tort-feasor who is, or would if sued have been, liable in respect of the same damage, whether as a joint tort-feasor or otherwise, so, however, that no person shall be entitled to recover contribution under this section from any person entitled to be indemnified by him in respect of the liability in respect of which the contribution is sought.

Seksyen 10(2) pula memperuntukkan bahawa:

> (2) In any proceedings for contribution under this section the amount of the contribution recoverable from any person shall be such as may be found by the Court to be just and equitable having regard to the extent of that person's responsibility for the damage, and

the Court shall have power to exempt any person from liability to make contribution, or to direct that the contribution to be recovered from any person shall amount to a complete indemnity.

Perlu juga diingatkan bahawa prinsip yang dipakai di dalam kes-kes di atas adalah prinsip utama undang-undang gantirugi (fundamental principle in law of damages) dan bukannya prinsip pengagihan liabiliti atau tanggungan.

Oleh hal yang demikian atas alasan-alasan di atas, rayuan oleh defendan adalah dibenarkan dengan kos. Saya ketepikan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan bahawa defendan adalah cuai 100%. Saya kekalkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen itu yang memutuskan bahawa defendan adalah cuai 10% dan co-defendan cuai 90%.

Plaintif tidak berpuashati dengan keputusan saya dan merayu ke Mahkamah Agung atas pemasalahan undang-undang iaitu setelah mendapati defendan cuai 10% dan co-defendan cuai 90% saya hendaklah memberi penghakiman 100% terhadap defendan.

Keputusan saya tentang pembahagian tanggungan 10% : 90% bagi defendan dan co-defendan adalah berasaskan kepada fakta kes. Maka berasaskan kepada keputusan fakta tersebut plaintif, menurut kuatkuasa undang-undang boleh mendapatkan keseluruhan penghakimannya [sebanyak mana diputuskan oleh Mahkamah] sama ada dari defendan atau dari co-defendan. Dalam kes ini tuntutan plaintif terhadap co-defendan telah ditolak dengan kos. Maka plaintif berhak mendapat gantirugi keseluruhannya dari defendan sahaja dan terpulanglah kepada defendan untuk mendapatbalik sumbangan dari co-defendan menurut nisbah kecuaian co-defendan. Saya tidak wajar menyatakan sedemikian kerana itu adalah kuatkuasa peruntukkan undang-undang statut yang disebut tadi.

Gantirugi adalah dipersetujui.